18 NOVEMBER 2023

HARI KANAK-KANAK YATIM DAN KANAK-KANAK RENTAN SEDUNIA

Pelayanan Kanak-Kanak Advent General Conference
Masehi Advent Hari Ketujuh

Khotbah: Harapan di Tempat Asing

Ketika anak-anak kami masih kecil, kami menerima banyak buku kanak-kanak sebagai hadiah, dan kami membacakan buku-buku itu untuk anak-anak kami sejak mereka masih bayi lagi. Hasilnya, anak-anak kami minat membaca dan mendengar cerita. Anak perempuan kami, terutamanya, bercita-cita untuk menjadi seorang illustrator buku kanak-kanak. Dengan itu, saya telah mempelajari, dan saya sangat yakin, bahawa apa yang telah kita tanamkan dalam diri seorang kanak-kanak, akan menjadi minatnya pada masa hadapan. Alkitab turut mengatakan dalam Amsal 22:6, "Didiklah orang muda menurut jalan yang patut baginya, maka pada masa tuanya pun ia tidak akan menyimpang daripada jalan itu." (SABDAweb)

Salah satu daripada buku kanak-kanak itu adalah mengenai Yusuf dan Mariam mencari tempat untuk melahirkan Yesus ketika mereka melakukan perjalanan ke Yerusalem. Perjalanan mereka adalah sukar dengan keadaan yang berbahaya di sana sini. Sesetengah orang di tempat-tempat baru yang mereka lalui sangat berpandangan serong, tidak ramah dan jelas dari mimik muka mereka tidak percaya dengan Yusuf dan Mariam. Sangat meletihkan berada di bawah terik matahari di siang hari dan menghadapi kedinginan di malam hari. Mariam mengalami ketidakselesaan sepanjang perjalanan kerana dia menghampiri tempoh penuh kehamilannya.

"Saya telah mempelajari, dan saya sangat yakin, bahawa apa yang telah kita tanamkan dalam diri seorang kanak-kanak, akan menjadi minatnya pada masa hadapan."

18 NOVEMBER 2023

HARI KANAK-KANAK YATIM DAN KANAK-KANAK RENTAN SEDUNIA

Pelayanan Kanak-Kanak Advent General Conference
Masehi Advent Hari Ketujuh

Khotbah: Harapan di Tempat Asing

(Sambungan)

Seorang kanak-kanak pernah berkata kepada saya, “Mariam seronok duduk di atas keldai. Hanya Yusuf yang perlu berjalan dan berasa letih seorang diri!” Sesetengah orang mungkin berkata bahawa dia harus duduk di atas belakang keldai. Tetapi izinkan saya memberitahu anda bahawa duduk di atas keldai selama satu atau dua hari tidak seperti duduk dengan selesa di dalam kereta atau van yang berhawa dingin. Seluruh tubuh anda akan berasa sakit, apa lagi bagi seorang wanita yang sedang hamil. Mereka pasti berasa melekit dan tidak bersih di bawah panas terik matahari dan sentiasa bermandi peluh yang tidak berhenti-henti mengalir membasahi wajah dan seluruh tubuh mereka.

Setiap kali kami membaca tentang kelahiran Yesus, anak-anak saya selalu berasa teruja di bahagian menerangkan tentang kelahiran Yesus, Mariam dikelilingi oleh haiwan-haiwan yang terdapat di dalam kandang. Mereka menunjuk ke arah haiwan-haiwan itu, menyebut namanya setiap satu dan membuat bunyi-bunyi haiwan.

“Moo-Moo” untuk lembu. “Klak-klak” untuk ayam. “Hee-Haw” untuk keldai. “Meow-Meow” untuk kucing. “Kuek-kuek” untuk itik, dan seterusnya.

Bayangkan dilahirkan di tempat yang tidak selesa dengan bunyi bising di mana-mana. Meski pun bunyi-bunyi itu kedengaran seronok tetapi apabila kita mendengarnya berulang-kali, ia boleh jadi menjengkelkan. Bayi yang baru lahir perlu tidur dengan banyak. Yesus pasti akan asyik terjaga oleh bunyi bising dari haiwan-haiwan itu sekiranya dia berasa terancam dan tidak selamat. Namun sebaliknya, Yesus tidur dengan nyenyak kerana bukan hanya Mariam dan Yusuf ada bersamaNya, tetapi juga kehadiran Tuhan dan kedamaian dari dalam.

Sudah tentu kelahiran Yesus bukanlah situasi kelahiran yang normal, dan ia membuatkan kita merenung dan berfikir tentang pelbagai kesukaran yang terpaksa Mariam dan Yusuf hadapi. Bukan sekadar mereka gagal mencari sebuah tempat melahirkan yang bersih, hangat, selesa, senyap dan sesuai untuk Dia, tetapi sejurus selepas itu, keluarga baru ini terpaksa melarikan diri daripada penganiayaan dan berada jauh daripada jangkauan Raja Herodes. Untuk keselamatan, mereka terpaksa melarikan diri ke Mesir sebagai pelarian.



18 NOVEMBER 2023

HARI KANAK-KANAK YATIM DAN KANAK-KANAK RENTAN SEDUNIA

Pelayanan Kanak-Kanak Advent General Conference
Masehi Advent Hari Ketujuh

Khotbah: Harapan di Tempat Asing

(Sambungan)

Perjalanan yang Mariam, Yusuf dan Yesus lalui tidak asing bagi jutaan orang di seluruh dunia yang dipindahkan secara paksa dari rumah mereka setiap tahun dengan 40 peratus daripada mereka adalah kanak-kanak. Kita tidak mengharap agar Kristus menghapuskan semua konflik dan ketidakadilan yang memaksa ramai orang meninggalkan rumah mereka, tetapi mengetahui bahawa Dia sendiri datang di tengah-tengah penderitaan memberitahu kita keadaan yang dihadapi oleh mana-mana kanak-kanak pelarian hari ini.

Pertama, Anak Tuhan telah turun ke dunia seperti seorang immigran – Dia meninggalkan alam keselesaan syurga dan mendirikan khemahNya di antara manusia. Yohanes 1:14 mengatakan, “Firman itu telah menjadi manusia dan diam di antara kita, dan kita telah melihat kemuliaanNya, iaitu kemuliaan yang diberikan kepadaNya sebagai Anak Tunggal Bapa, penuh kasih karunia dan kebenaran.” (SABDAweb)

> “Yesus benar-benar tahu bagaimana rasanya menjadi orang asing di tempat yang asing. Dia sangat mengenali orang asing sehingga apabila kita mengalu-alukan mereka, kita mengalu-alukan Dia.

Kedua, Dia juga hidup sebagai seorang pelarian yang melarikan diri untuk keselamatan. Alkitab mengatakan dalam Matius 2:13, “Setelah orang-orang majus itu berangkat, nampaklah malaikat Tuhan kepada Yusuf dalam mimpi dan berkata: "Bangunlah, ambillah Anak itu serta ibu-Nya, larilah ke Mesir dan tinggallah di sana sampai Aku berfirman kepadamu, karena Herodes akan mencari Anak itu untuk membunuh Dia.“ (SABDAweb) Ayat ini memberitahu kita bahawa orang-orang terpaksa meninggalkan tempat kelahiran mereka untuk melindungi diri mereka dan keluarga mereka bukannya satu perkara biasa. Sementara akhir zaman semakin menghampiri, begitu juga dengan kesengsaraan dan kesusahan yang akan menimpa umat-umat Tuhan yang setia.

Ketiga, Yesus benar-benar tahu bagaimana rasanya menjadi orang asing di tempat yang asing. Dia sangat mengenali orang asing sehingga apabila kita mengalu-alukan mereka, kita mengalu-alukan Dia. Selain daripada itu, kita mempelajari bahawa kita boleh berbuat baik dengan para malaikat tanpa menyedarinya apabila kita bersahabat dengan orang asing. Ibrani 13:2 berpesan kepada kita, “Jangan kamu lupa memberi tumpangan kepada orang, sebab dengan berbuat demikian beberapa orang dengan tidak diketahuinya telah menjamu malaikat-malaikat.” (SABDAweb). Sebenarnya, Yesus bahkan berasa tersentuh dan bersyukur jika kita menyambut kehadiran orang asing dengan hangat, kanak-kanak pelarian, dan keluarga mereka, serta memenuhi keperluan mereka tanpa pilih kasih sebagaimana Dia katakan dalam Matius 25:35-40,

NOVEMBER 18, 2023

HARI KANAK-KANAK YATIM DAN KANAK-KANAK RENTAN SEDUNIA

Pelayanan Kanak-Kanak Advent General Conference
Masehi Advent Hari Ketujuh

Khotbah: Harapan di Tempat Asing

(sambungan)

"Sebab ketika Aku lapar, kamu memberi Aku makan; ketika Aku haus, kamu memberi Aku minum; ketika Aku seorang asing, kamu memberi Aku tumpangan; ketika Aku telanjang, kamu memberi Aku pakaian; ketika Aku sakit, kamu melawat Aku; ketika Aku di dalam penjara, kamu mengunjungi Aku. Maka orang-orang benar itu akan menjawab Dia, katanya: Tuhan, bilamanakah kami melihat Engkau lapar dan kami memberi Engkau makan, atau haus dan kami memberi Engkau minum? Bilamanakah kami melihat Engkau sebagai orang asing, dan kami memberi Engkau tumpangan, atau telanjang dan kami memberi Engkau pakaian? Bilamanakah kami melihat Engkau sakit atau dalam penjara dan kami mengunjungi Engkau? Dan Raja itu akan menjawab mereka: Aku berkata kepadamu, sesungguhnya segala sesuatu yang kamu lakukan untuk salah seorang dari saudara-Ku yang paling hina ini, kamu telah melakukannya untuk Aku.

Gereja-gereja Advent dan gereja yang lain, terutamanya di Amerika Syarikat dan di seluruh dunia yang merupakan barisan hadapan menyambut kedatangan para pelarian menyedari akan berkat Berkat yang mendalam ini. Dengan cara mengasihi dan prihatin terhadap sahabat-sahabat pelarian kita, kita lebih memahami Tuhan yang bekerja melalui setiap kebudayaan dan keadaan untuk menyatukan semua orang untuk diberkati dan untuk mengenali diriNya.

> "Para pelarian adalah lambang semangat terbaik yang ada pada manusia."

Kita mampu melaksanakan hukum teragung yang diberikan kepada manusia yakni mengasihi semua orang disekeliling kita sebagaimana kita mengasihi diri kita sendiri, dan ini adalah mandat Tuhan yang boleh di dapati dalam Matius 22:39. Dan melalui usaha kita mengasihi satu dengan yang lain sepenuhnya dan dengan nyata, kita dapat melaksanakan Amanat Agung untuk memuridkan semua bangsa menurut Matius 28:19 yang mengatakan, "Karena itu pergilah, jadikanlah semua bangsa murid-Ku dan baptislah mereka dalam nama Bapa dan Anak dan Roh Kudus," (SABDAweb)

Setiausaha UN – Jeneral Antonio Guterres pernah berakata, "Para pelarian adalah lambang semangat terbaik yang ada pada manusia. Mereka memerlukan dan layak mendapat sokongan serta solidariti – bukannya menutup sempadan dan menolak mereka." Kita pasti akan berasa kagum menerima dorongan yang begitu besar daripada sahabat-sahabat pelarian kita yang mana ramai di antara mereka merupakan umat-umat percaya yang bersemangat dalam iman. Dengan melayani dan mengasihi secara nyata, kita mungkin boleh memberi inspirasi kepada orang lain dengan adanya persamaan kita dengan Kristus. Seorang kanak-kanak pelarian atau anak yatim berharap untuk dikasihi, diterima dan dialu-alukan ke dalam masyarakat dan gereja. Setiap orang layak mempunyai pengharapan dalam Kristus dan marilah kita menjadi sebahagian daripada yang membantu impian ramai orang menjadi kenyataan.

13 NOVEMBER 2023

HARI KANAK-KANAK YATIM DAN KANAK-KANAK RENTAN SEDUNIA

Pelayanan Kanak-Kanak Advent General Conference
Masehi Advent Hari Ketujuh

Khotbah: Harapan Di Tempat Asing

(Sambungan)

Tidak dinafikan bahawa kelahiran Yesus memberi kita harapan bahawa meski pun menghadapai cabaran secara peribadi atau masyarakat, kita sentiasa boleh mendapatkan kesembuhan dan berasa selesa di mana-mana sahaja bersama Yesus.

Pengharapan boleh ditemukan di mana-mana, bahkan di tempat-tempat yang tidak dijangka. Lagi pula, ia hanya memerlukan sosok seorang pelarian dan anak kecil yang tidak berdaya di dalam palungan untuk memastikan hati kita sentiasa marak dengan harapan dan keinginan kita untuk menjadi terbuka terhadap kemungkinan Tuhan bekerja di dalam dan melalui semua cabaran dalam keadaan hidup kita. Kedukaan dan kegembiraan merupakan bahagian yang penting dalam perjalanan hidup seorang anak pelarian. Namun, kisah kelahiran Yesus adalah peringatan yang kuat bahawa keadaan kita yang mencabar tidak menentukan dan tidak mempunyai kata putus untuk perjalanan hidup seseorang. Hanya Yesus yang boleh melakukannya.

FOKUS DOA

13 NOVEMBER 2023

HARI KANAK-KANAK YATIM DAN KANAK-KANAK RENTAN SEDUNIA

Pelayanan Kanak-Kanak Advent General Conference
Masehi Advent Hari Ketujuh

Seni Untuk Anak-anak Yatim dan Anak-anak tidak berdaya.

Diadaptasi daripada sebuah artikel yang ditulis oleh Juliet Hefti (2017)

Kanak-kanak yang telah melalui banyak kesukaran dan cabaran memerlukan bantuan untuk penyembuhan. Membuat karya seni dan bercakap mengenainya boleh membantu mereka. Aktiviti mungkin termasuk melukis, membuat model, membuat kolaj, dan sebarang bentuk kesenian yang boleh diberikan kepada mereka. Aktiviti-aktiviti yang dicadangkan di bawah adalah mudah untuk diikuti dan berkesan dalam membantu anak-anak yatim dan kanak-kanak yang tidak berdaya untuk meluahkan perasaan dan emosi mereka, meningkatkan harga diri positif mereka, dan menangani semua memori mereka yang menyakitkan.

Pertama sekali, penjaga perlu menjadi seorang yang prihatin dan mendengar dengan baik. Kanak-kanak perlu melepaskan dan satu cara ialah mereka meluahkan pengalaman trauma mereka dalam persekitaran yang selamat dan santai kepada seseorang yang benar-benar memperlihatkan keprihatinan terhadap mereka, kesejahteraan mereka dan sangat mengambil berat terhadap mereka.

Sebelum Anda Mula

Anda perlu bersedia untuk bekerja dengan kanak-kanak sedemikian. Sebelum bermula, Dapatkan butiran diri setiap kanak-kanak daripada orang yang bekerja dengan mereka dan mengenali mereka dengan baik.

Sekiranya kanak-kanak memperlihatkan tanda-tanda tertekan, hentikan aktiviti dan berikan mereka penghiburan. Anda harus mempertimbangkan untuk mengatur temu janji untuk mereka dengan kaunselor yang bertauliah.

Idea Seni #1

Permulaan yang baik untuk kanak-kanak yang telah melalui pengalaman yang tidak menyenangkan dan penuh trauma ialah dengan cara membuat mereka melukis sebuah "Tempat Selamat." Ia juga berguna untuk kanak-kanak yang mula memperlihatkan tanda-tanda kerungsingan dan kemurungan.

Anda boleh mendorong kanak-kanak tersebut untuk memejamkan matanya dan bayangkan sebuah tempat yang selamat. Bimbing fikiran mereka dengan memintanya mereka tempat imaginasi yang dia rasa sangat selamat dan masukkan hanya orang-orang yang dia mahu berada di sana. Berikan dia masa yang panjang untuk berimaginasi. Tanyakan soalan-soalan: Apa yang anda lihat? Apa yang anda hidu? Apa yang anda dengar? Apa yang sedang anda lakukan? Apa lagi? Seusai kanak-kanak itu membayangkan tempat selamatnya, dia boleh melakuis atau menciptanya menggunakan pen warna, pensel warna, atau material lain yang boleh didapati.

13 NOVEMBER 2023

HARI KANAK-KANAK YATIM DAN KANAK-KANAK RENTAN SEDUNIA

Pelayanan Kanak-Kanak Advent General Conference
Masehi Advent Hari Ketujuh



Seni Untuk Anak-anak Yatim dan Anak-anak Tidak Berdaya.

(Sambungan)

Idea Seni #2

Aktiviti ini bertujuan untuk membantu mengukuhkan jati diri dan membantu membina keyakinan diri kanak-kanak.

Sediakan sebuah cermin besar. Minta kanak-kanak itu melihat ke dalam cermin dan sementara dia masih melihat ke dalam cermin, tanyakan soalan-soalan berikut:

- Apa yang anda lihat?
- Siapa yang telah mencipta anda?
- Berapa orang di dalam dunia yang kelihatan sama seperti anda? Anda boleh memberitahu bahawa Tuhan mencipta setiap kanak-kanak dengan cara yang unik dan istimewa. Dia telah memastikan tiada seorang pun yang benar-benar serupa dengan kita, bahkan cap jari kita dan dalaman gen-gen kita telah disusunatur secara unik untuk membentuk diri kita. Tidak ada duanya.. Semua hasil tangan Tuhan adalah indah belaka termasuk kanak-kanak itu.
- Macam mana rupa anda? Bolehkah anda gambarkan diri anda?
- Apa yang anda suka dengan diri anda? Apa yang istimewa?

Kemudian reka satu kerja seni dengan kanak-kanak itu menggunakan tema ini. Berikut adalah beberapa cadangan idea yang boleh digunakan.

- Gunakan cat atau dakwat bukan toksik, minta kanak-kanak itu membuat cap tangan di tengah-tengah sekeping kertas, dan tulis perkataan "Saya unik" di atas atau sekeliling cap tangan tersebut.
- Dorong kanak-kanak itu menulis pada setiap jari pada kertas itu apa yang dia sukai tentang dirinya.
- Ukur tinggi kanak-kanak itu dan catit ukurannya pada kertas bersama-sama dengan tarikh. Beritahu dia bahawa dia sedang bertumbuh dan ketinggiannya tidak lama lagi akan berubah. Tuhan sedang menjaganya dan Tuhan mahu agar dia membesar mengasihi dirinya dan bergembira.

Idea Seni #3

Aktiviti ini membantu kanak-kanak menangani perkara-perkara yang penuh trauma dan menakutkan yang berlaku dalam hidup mereka.

Aktiviti ini membiarkan kanak-kanak melakar atau melukis apa sahaja yang mereka inginkan dan nyatakan minat mereka terhadap apa yang mereka hasilkan. Ini akan membantu kanak-kanak untuk meluahkan fikiran dan perasaan mereka tanpa sekatan. Tanyakan soalan-soalan seperti, "Beritahu saya tentang lukisan anda,' 'Siapa di dalam lukisan ini?' dan 'Apa yang sedang mereka lakukan?' Sekiranya ini memperlihatkan kanak-kanak itu berasa takut, anda boleh menggunakan aktiviti berikut.

18 NOVEMBER 2023

HARI KANAK-KANAK YATIM DAN KANAK-KANAK RENTAN SEDUNIA

Pelayanan Kanak-Kanak Advent General Conference Masehi
Advent Hari Ketujuh

Seni Untuk Anak-anak Yatim dan Anak-anak Tidak Berdaya.

(Sambungan)

Gunakan teknik Penceritaan untuk mengalihkan perhatiannya. Pada masa yang sama, motivasikan kanak-kanak melalui objek pengajaran cerita tentang keberanian dan ketabahan dengan Tuhan sebagai sumber kuasa, berkat-berkat dan keberanian.

- Beritahu kanak-kanak itu tentang orang atau haiwan yang sangat takut terhadap sesuatu. Di tengah-tengah situasi ini, dengan campur tangan Tuhan, sesuatu telah terjadi di mana ia dilepaskan daripada bahaya: Anda boleh menggunakan cerita tentang umat Israel yang telah ditangkap dan menjadi hamba di Mesir. Mereka berasa tidak bernilai dan berada dalam kesusahan yang besar. Hanya dengan campur tangan Tuhan melalui Musa mereka telah dibebaskan.
- Cerita tentang para pengintip yang dihantar ke Yeriko dan kisah Josua juga merupakan cerita yang bagus untuk membantu kanak-kanak merasa diperkuatkan serta menyedari bahawa mereka tidak sendirian dalam menghadapi semua kesukaran dalam hidup.
- Satu lagi cerita yang hebat ialah kisahYesus meredakan ribut.

Ketika murid-muridnya ketakutan, Yesus tidur dengan nyenyak dan tenang. Beritahu anak-anak bahawa Dia bukannya cuai. Dia seorang yang berani kerana Dia tahu bahawa Tuhan sentiasa bersama-sama denganNya.

Di akhir nanti, anak-anak seharusnya dapat mengembangkan pandangan tentang keadaan hidup yang berbeza-beza dan di luar kawalan kita. Ada masa sesetengah orang menghadapi cabaran lebih besar berbanding orang lain, namun dengan tambahan kekuatan daripada Tuhan dan rasa percaya kita terhadapNya, kita boleh bertenang dan dapat hidup dengan aman.

- Kemudian kembali kepada gambar yang dilukis oleh kanak-kanak itu tentang situasi di mana dia berasa takut. Tanya apa yang membantu dia dalam situasi itu dan bagaimana ketakutannya hilang. Jika kanak-kanak itu tidak dapat membayangkan apa-apa yang boleh membantu dia, cuba tanyakan soalan ini: ‘Apa agaknya yang mungkin boleh membantu anda?’ Kemudian minta kanak-kanak itu untuk lukis orang atau benda yang boleh membantunya di dalam gambar tersebut, supaya ia mengubah memori itu.

- Sentiasa diakhiri dengan doa dan beritahu mereka bahawa mereka telah melakukan dengan baik dan anda benar-benar ingin bertemu dengan mereka lagi.